

[Home](#) » Ringgit bakal mengukuh pada RM4.20 tahun ini

Ringgit bakal mengukuh pada RM4.20 tahun ini

Oleh MUHAMMAD IKHWAN IDERIS 28 Februari 2024, 9:25 am



Asas ekonomi negara yang stabil memberi petunjuk bahawa ringgit akan kembali mengukuh. -Gambar hiasan

PETALING JAYA – Nilai ringgit dijangka kembali mengukuh pada paras antara RM4.20 hingga RM4.40 berbanding dolar Amerika Syarikat pada tahun ini atau tahun depan, berdasarkan asas ekonomi negara yang dilihat masih kukuh.

Pengarah Urusan Capital Dynamics Sdn. Bhd, Tan Teng Boo berkata, ketika perbezaan kadar faedah antara Malaysia dan Amerika Syarikat adalah antara faktor yang mempengaruhi kedudukan ringgit, ia hanya faktor yang bersifat sementara dan bukan perkara utama yang bakal menentukan nilai ringgit dalam jangka masa panjang.

"Perkara paling penting yang menentukan nilai ringgit adalah daya kompetitif Malaysia.

"Secara umumnya, saya bersetuju bahawa kedudukan ringgit sekarang terkurang nilai," katanya pada sesi bersama media di sini semalam.



Menurut beliau, bagi meningkatkan nilai ringgit, Malaysia perlu mengembalikan daya kompetitifnya di mata global dan antara perkara utama untuk memacu perkara tersebut adalah penambahbaikan dalam pendidikan dan pembangunan modal insan.

Jelasnya, terlalu banyak institusi pengajian tinggi ketika ini yang menawarkan Ijazah Sarjana Muda dan kerajaan perlu memfokuskan kepada pembangunan tenaga pakar pada peringkat lebih tinggi seperti Ijazah Sarjana dan ijazah Doktor Falsafah (PhD), selain sektor kemahiran.

Pada masa sama, beliau berpandangan golongan yang menuing jari kepada Kerajaan Madani sebagai punca kejatuhan ringgit adalah mereka yang hanya mahu bermain politik memandangkan kejatuhan ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat dan dolar Singapura telah berlaku dalam tempoh hampir 40 tahun lamanya.

"Dalam lebih setahun memerintah, tidak banyak yang boleh dilakukan. Penurunan ringgit berlaku sepanjang kerajaan sekarang berkuasa pun tidaklah begitu banyak sebenarnya," ujarnya. -KOSMO! ONLINE